



**PERBADANAN LABUAN**  
**PETI SURAT 81245**  
**87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

---

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

**1. JAWATAN : PEMBANTU PENILAIAN**

GRED	:	W19
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEWANGAN (W)
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	<b>TETAP</b>
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,353.00	RM4,005.00	RM100.00

**2. SYARAT LANTIKAN:**

2.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Memiliki :
  - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan pada Gred WK19 : RM1,353.00); atau
  - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred WK19 : RM1,409.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred WK19 : RM1,465.80); atau

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **DESKRIPSI TUGAS**

Menerima arahan dan menjalankan penilaian harta tanah dan pentadbiran, menerima arahan tugas informasi harta tanah, menerima arahan dan menjalankan latihan dan penyelidikan, mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara yang dinyatakan di atas.

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)
- b) **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar, salinan kad pengenalan, sijil lahir pemohon, ibu dan bapa pemohon, sijil-sijil persekolahan, sijil berhenti sekolah, sijil kegiatan luar, kelulusan akademik dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dari salinan asal;**
- c) Pemohon hendaklah bebas daripada apa-apa rekod jenayah, tidak menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya serta tiada masalah penyakit kronik yang boleh menjejaskan prestasi kerja.
- d) Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (b) dan (c) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak;
- e) Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.

### PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :-

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN LABUAN  
JALAN DEWAN  
PETI SURAT 81245  
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
(U.P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Bil. Fail Rujukan : PL/PSM/500-9/3  
No. Talian Perhubungan : 087 – 581817, 581809, 581816  
Sebelum atau pada : **19 Ogos 2020 (Rabu)**

### CATITAN

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan dan melepasi saringan kesihatan akan dipanggil temu duga.
2. Sekiranya pemohon yang tidak menerima panggilan untuk sesi temuduga selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan ditutup, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
3. Sekiranya pemohon yang dijemput hadir temuduga tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh temuduga diadakan, permohonan mereka adalah tidak berjaya.